



RAMBUT GUGUR

Rambut adalah mahkota wanita. Rambut memainkan peranan penting dalam mencorak wajah seseorang. Dari segi kesihatan mahupun kecantikan rambut mampu mencerminkan keperibadian seseorang. Rambut yang cantik berkilau akan memukau pandangan mata sebaliknya rambut yang tidak terurus dan berserabut memberi pandangan negatif kepada seseorang.

Terdapat 3 jenis rambut iaitu:

1. Rambut berminyak

Rambut jenis ini mempunyai kelenjar minyak bekerja secara berlebihan sehingga rambut kelihatan basah, melekit kerana minyak yang terlalu banyak, mudah kotor dan membentuk rumpun rambut. Apabila menghias rambut, kebiasaannya ia tidak kekal lama kerana strukturnya cepat berubah.

2. Rambut normal

Rambut jenis ini memiliki kelenjar minyak yang mengeluarkan minyak yang mencukupi. Rambut tidak cepat kotor dan mengembang. Rambut ini juga mudah dicuci.

3. Rambut kering

Rambut jenis ini kelihatan mengembang, kering, suram dan mudah rosak. Ini disebabkan kandungan minyak pada kelenjar lemak sangat sedikit dan kurang aktif. Rambut jenis ini mudah kusut, batang rambut akan rosak dan hujung rambut akan pecah apabila disikat. Ini juga biasa berlaku sekiranya rambut diikat dengan kuat.

Kitaran hidup sehelai rambut untuk tumbuh adalah selama 5 hingga 7 tahun. Setiap rambut tumbuh sekitar 1cm sebulan. 90% daripada rambut di kulit kepala

akan tumbuh dalam satu-satu masa manakala 10% daripadanya akan berada dalam fasa rehat selama 3 hingga 4 bulan, di mana ia akan gugur dan rambut baru akan tumbuh di tempatnya.

Dewasa ini masalah rambut nipis dan botak menjadi fenomena serius di kalangan wanita tidak kira peringkat umurnya. Seseorang individu boleh mengalami rambut gugur sehingga 7 ke 10 helai dalam satu-satu masa. Jika rambut gugur sebanyak 100 helai setiap hari, ia masih lagi dianggap normal. Namun begitu, jika rambut gugur melebihi kiraan tersebut, ia menandakan berlakunya masalah yang lebih serius. Sekiranya masalah ini mendapat rawatan yang cepat ia boleh dipulihkan dengan segera namun pengabaian boleh menyebabkan ia terus kekal dan tidak tumbuh lagi.

Kenapakah ia berlaku?

1. Penyakit tertentu seperti diabetes, jangkitan kulit dan tiroid. Kelenjar tiroid yang terlalu aktif atau pasif juga boleh menyebabkan keguguran rambut.
2. Kekurangan zat makanan seperti zat besi yang tidak cukup dalam gizi makanan.
3. Kesan sampingan ubat-ubatan tertentu seperti ubat sakit sendi (*arthritis*), depresi, masalah jantung, gout, tekanan darah tinggi dan ubat mencairkan darah (*coagulant*). Pengambilan vitamin A secara berlebihan juga boleh menyebabkan berlakunya keguguran rambut.
4. Demam panas turut mengurangkan pertumbuhan rambut namun keadaan kembali normal dalam jangka masa empat bulan. Fenomena ini biasanya bersifat sementara.
5. Bayi yang sedang dalam proses membesar sering mengalami kehilangan rambut pada bulan-bulan pertama namun rambut akan segera tumbuh perlahan-lahan dengan rambut yang lebih kuat dan kekal.

6. Gangguan hormon setelah bersalin. Selepas seseorang wanita melahirkan anak, pusingan rambut akan memasuki fasa berehat yang agak lama. Ketika itu, fasa keguguran rambut akan terjadi dalam tempoh 2 hingga 3 bulan. Kebiasaannya ia akan pulih dalam tempoh 1 hingga 6 bulan.
7. Jangkitan kulit kepala seperti kurap dapat menyerang kulit kepala.
8. *Androgenic alopecia* menyebabkan kehilangan rambut seawal usia 10 tahun. Masalah ini biasanya serius dan kekal.
9. *Alopecia aerata* merupakan masalah antibodi dari sistem tubuh di mana sel-sel darah putih menyerang folikel rambut yang merosakkan akar rambut. Masalah ini biasanya bersifat sementara.
10. Bahan kimia atau rawatan yang menggunakan bahan kimia yang kuat seperti pewarna, peluntur mahupun pelurus tidak terkecuali menjadi punca rambut gugur.
11. Sebahagian rawatan kanser akan menyebabkan sel-sel rambut terhenti membahagi yang mengakibatkan rambut menjadi nipis dan mudah terputus apabila ia keluar dari kulit kepala.

RAWATAN

- Mengambil anti fungus dan antibiotik yang sesuai sekiranya ia berpunca dari jangkitan kuman dan fungus.
- Melakukan transplantasi rambut yang merupakan kaedah yang mahal dan memerlukan pembedahan.
- Penggunaan LLLT Laser merupakan kaedah yang terancang kerana ia berkesan dan kosnya amat rendah. Laser akan menstimulasikan sel rambut agar ia tumbuh lebat dan cantik. Ia merupakan rawatan bersiri yang mudah. Anda hanya perlu duduk di bawah pancaran laser dalam jangka masa 30 hingga 40 minit sahaja setiap kali rawatan.

- Dapatkan rawatan doktor dan membuat sesi rawatan yang sesuai untuk anda.

Penjagaan rambut yang betul:

- ✓ Jangan terlalu kerap mewarnakan rambut
- ✓ Setiap kali mencuci rambut, pastikan syampu dibilas sebersih-bersihnya kerana bilasan yang tidak bersih boleh menyebabkan masalah kelemumur
- ✓ Urut kulit kepala ketika bersyampu agar aliran darah lancar dan menyihatkan akar rambut
- ✓ Menyikat rambut ketika rambut basah menyebabkan rambut hilang kelembapan dan menjadi kering
- ✓ Gunakan perapi rambut selepas bersyampu.
- ✓ Hindari daripada terlalu mendedahkan rambut kepada sinaran matahari kerana ia boleh merosakkan struktur rambut.
- ✓ Makan makanan yang berkhasiat, bersenam, jangan merokok dan jangan mengambil minuman beralkohol

“Sila share kepada kenalan anda tanpa mengubah sebarang informasi dalam artikel”



www.marissa-esthetic.com

Semenyih (HQ) : 03-87234808/013-2448484

Selangor : 03-31413729

Melaka : 06-3170412/013-3386698

Shah Alam : 019-3963678

Bandar Baru Bangi : 03-89252334

Kuantan : 017-3581619

Nilai : 012-3585949* Kelantan : 017-3581610